

Alkitab untuk Anak-anak
memperkenalkan

Daud si Anak
Gembala



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Lazarus
Alastair Paterson

Disadur oleh: Ruth Klassen

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2020 Bible for Children, Inc.

Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.




Bertahun-tahun yang lalu, pada masa pemerintahan Raja Saul di Israel, seorang anak lelaki bernama Daud menolong 7 abangnya untuk menjaga

kawanan domba ayah mereka.



Walaupun dia yang paling muda, Daud adalah seorang anak lelaki yang kuat, berani dan mengasihi serta percaya

kepada Tuhan.



Dia tinggal di sebuah bandar
yang bernama Betlehem.




Pada suatu hari, seekor
singa menyerang kawanan
domba itu and cuba
menangkap seekor
anak domba untuk
makan malamnya.



Daud terus melawan si penyerang.
Menarik domba itu daripada
singa, dia menangkap
binatang buas itu
pada janggutnya
dan membunuhnya.



Daud tahu Allah
menolongnya.



Samuel, nabi Tuhan, masih merasa sedih kerana Saul gagal mentaati Tuhan.

“Berapa lama kamu akan bersedih hati kerana Saul?”
Tuhan berfirman kepada Samuel.



"Aku menghantar kamu ke rumah Isai ...
Aku telah memilih sendiri seorang raja
dari antara anak-anaknya."
Isai adalah ayah Daud.



Walaupun Samuel tahu bahawa Raja Saul mungkin akan membunuh dia kerana pergi mencari seorang raja yang lain, nabi ini mentaati Tuhan.





Saat Samuel tiba,
Isai menyuruh
tujuh orang anaknya
menghadap Samuel.
Dan Samuel berkata
kepada Isai, "Tuhan
tidak memilih
mereka semua."





Hanya tinggal Daud,
si bongsu. Dia ada
di bukit bersama
domba-dombanya.
Mereka membawa
Daud masuk, Dan
Tuhan berkata,
"Bangunlah, Urapilah
dia; inilah dia."



Di istana Saul, Roh Tuhan meninggalkan Saul dan dia menjadi seorang yang sangat bermasalah.

Pelayan-pelayannya berfikir mungkin muzik yang bagus akan menenangkan fikiran Saul.



Salah seorang dari mereka mengenal seorang anak muda yang boleh bermain kecapi dengan sangat baik.




Bolehkah anda meneka siapakah anak muda itu? Ya betul, dia adalah Daud.



Muzik yang dimainkan oleh Daud menenangkan Saul dan menolong dia berfikir dengan betul. Saul meminta Isai untuk membenarkan Daud tinggal dan melayaninya.



Bila-bila masa Saul
dalam kemurungan
atau ketakutan,
Daud akan
bermain
kecapi
untuknya.



Setelah Daud pulang ke rumahnya, Saul berperang besar dengan orang-orang Filistin. Abang-abang Daud berperang bersama tentera-tentera Saul. Isai menghantar Daud ke medan perang untuk membawa makanan kepada abang-abangnya dan melihat bagaimana keadaan mereka di sana.



Seorang raksasa Filistin yang sangat besar, Goliat, membuat semua



tentera
Israel
ketakutan.



“Pilihlah seorang di kalangan kamu, dan biarlah dia turun berlawanan dengan aku!”

Goliat berseru. “Jika ia dapat melawan dan membunuh aku,

maka kami akan

menjadi hambamu.




Tetapi jika aku dapat membunuh
dia, maka kamu semua harus
menjadi hamba kami dan
melayani
kami."




Apabila semua orang Israel mendengar cabaran itu, mereka cemas dan sangat ketakutan dan berlari menjauhi si raksasa itu.



Kemudian Daud berkata kepada Saul, "Janganlah ada seorang pun menjadi tawar hati kerana dia; hambamu ini akan pergi melawan orang Filistin itu."



Saul ingin Daud memakai baju perangnya dan membawa pedang. Tetapi, Daud mengambil ketapelnya dan memilih lima biji batu yang licin dari sungai.



Goliat tertawa
saat dia melihat
Daud muda yang
tidak memakai
baju perang.



"Aku akan memberikan dagingmu kepada burung-burung di udara dan kepada binatang-binatang di padang!" Dia menjerit.



"Aku mendatangi
engkau dengan nama
TUHAN!" Daud
menjawab.




"Hari ini juga Tuhan akan menyerahkan engkau ke dalam tanganku ... sebab di tangan **TUHAN** lah pertempuran ini!" kemudin Daud berlari ke arah Goliat.




Saat dia berlari,
dia menembak
sebiji batu dari
ketapelnya -
terus kena
tepat di dahi
Goliat. Goliat
terjatuh!




Dengan cepat Daud menarik pedang
si raksasa Goliat dan memotong
kepalanya. Saat orang-orang
Filistin
melihat
Goliat
mati,
mereka
berlarian
menyelamatkan
dirinya.



Raja Saul tidak ingat
bahawa orang ini
adalah Daud yang
bermain kecapi
untuknya.





Dia memasukkan Daud ke dalam pasukannya - dan merasa cemburu saat orang-orang menghargai kemenangan-kemenangan Daud.



"Sekarang apalagi yang boleh dia dapatkan ... jangan - jangan nanti kerajaan ini akan jatuh kepadanya juga?"


Saul berfikir. Jadi Saul mengawasi Daud mulai dari hari itu.



Lagi, Raja Saul terganggu fikirannya.
Jadi Daud bermain muzik dan
cuba menenangkan dia.

Tiga kali


Saul melemparkan
tombaknya
kepada Daud.



Tapi setiap kali Daud boleh
menghindarinya. Saul merasa takut
kepada Daud, sebab Saul tahu

TUHAN

telah meninggalkannya
dan menyertai
Daud.



Tetapi Yonatan, anak lelaki Saul, mengasihi Daud seperti dirinya sendiri. "Ayahku Saul cuba membunuhmu," dia memberi amaran kepada Daud. Jadi Daud

melarikan diri.



Isterinya meletakkan patung
di tempat tidurnya, dan
membiarkan dia keluar dari
tingkap pada tengah malam.
Saat orang-orang Saul
datang di pagi hari,
Daud sudah
pergi.



Daud harus melarikan diri dari Saul.
Sebelum dia melakukannya, dia dan
Yonatan membuat satu perjanjian
bersama.



Mereka berjanji akan sentiasa menolong antara satu sama lain. Dengan perasaan sedih, kedua-dua sahabat itu berpisah.



Daud mencari tempat di mana dia boleh hidup tanpa rasa takut akan tentera-tentera Saul dapat menemuinya.



Daud si Anak Gembala

satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

1 Samuel 16-20

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu
memberi terang, memberi pengertian
kepada orang-orang bodoh."

Mazmur 119:130



TAMAT



Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.



Jika anda percaya ini adalah benar,
katakan ini kepada Allah:

Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi.

Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

